



TEKS UCAPAN
UCAPAN PERASMIAN

**Y.B DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH (I)**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KURSUS KEPIMPINAN UNGGUL
PEMAJU MASYARAKAT RISDA (PMR) DAN KONVENTSYEN GAP RISDA NEGERI
SARAWAK TAHUN 2017**

**TEMPAT : KEM BINA NEGARA SAMPADI, LUNDU, SARAWAK
TARIKH : 19 OGOS 2017 (SABTU)
MASA : 10.00 PAGI**

Salutasi

- 1. Ybrs. Pengerusi Majlis**
- 2. Ybhg.Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad
Ketua Pengarah RISDA**
- 3. Ybrs.En.Zulkefli bin Zaini
Pengarah RISDA Negeri Sarawak**
- 4. Pegawai-pegawai RISDA Negeri Sarawak/ Pegawai-Pegawai RISDA Bahagian Sarawak**
- 5. Pemaju-pemaju Masyarakat RISDA (PMR), Pekebun-Pekebun Kecil RISDA Negeri Sarawak**
- 6. Rakan-rakan Media**
- 7. Tuan – Tuan dan Puan – Puan sekalian**

Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Pengurusan RISDA Negeri Sarawak kerana berjaya menganjurkan kursus dan konvensyen seumpama ini dan menyahut seruan kerajaan untuk memajukan modal insan. Ini adalah bertepatan dengan teras strategi ketiga dalam Rancangan Malaysia Ke-11 yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri kita, Datuk Seri Mohd Najib bin Abdul Razak, dimana modal insan adalah sumber terpenting kepada pembangunan negara. Maju atau mundurnya sesebuah negara bergantung penuh kepada kekuatan dan kehebatan nilai, kompetensi dan kemahiran insaniah.

2. Untuk makluman hadirin sekalian, seperti yang telah dimaklumkan oleh Ketua Pengarah RISDA sebentar tadi, tuan-tuan dan puan-puan merupakan individu yang mempunyai kualiti yang dipilih oleh RISDA sebagai jambatan yang menghubungkan RISDA dan pekebun kecil. Maka, tuan-tuan dan

puan-puan bukan sahaja penghubung malah tulang belakang RISDA dan kerajaan sendiri. Ini membuktikan bahawa hadirin sekalian memainkan peranan penting dalam membantu kerajaan dari segi penyampaian maklumat kepada pekebun kecil. Sebagai contoh, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah mewar-warkan Program Rumah Bina Negara (RBN) untuk generasi kedua luar bandar dengan kerjasama pembiayaan dari Agrobank Sdn.Bhd untuk Semenanjung Malaysia dan bakal dinikmati oleh generasi kedua luar bandar di Sarawak dan Sabah. Jadi, tuan-tuan dan puan-puan merupakan medium yang pertama yang akan dirujuk oleh pekebun kecil sekiranya maklumat yang disampaikan tepat, permohonan mereka ini menjadi mudah dan ini dapat meringankan sedikit beban mereka.

3. Selain dari itu, kerajaan turut mengumumkan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) semasa pembentangan Bajet 2017 yang lalu yang diperuntukan sebanyak RM 10 billion secara keseluruhannya. Bantuan ini akan memberi manfaat kepada semua pekebun kecil seluruh negara.

Bantuan sebanyak RM 200 (oneoff) sebulan sepanjang tiga bulan bermula November hingga Januari. Walaupun jumlahnya tidak begitu besar, namun sekurang-kurangnya mampu mengurangkan beban sepanjang musim tengkujuh.

Para hadirin sekalian,

4. Berdasarkan laporan banci yang terkini, terdapat seramai 509,168 orang pekebun kecil dengan keluasan tanah getah dan sawit 1.2 juta hektar yang telah berjaya dibanci. Ini menunjukkan bahawa perlunya ada Pemimpin Masyarakat RISDA demi:

- Merangsang perubahan dan pembaharuan di kalangan pekebun kecil dan penduduk luar bandar
- Membantu RISDA melaksanakan aktiviti pembangunan seperti program tanam semula, program pemindahan teknologi, latihan formal / non-formal dan ekonomi desa
- Membantu mengenalpasti calon-calon anak pekebun kecil yang berdaya maju untuk diberi

kemudahan yang berkaitan seperti latihan dan bantuan-bantuan lain

- Berganding bahu dengan Pegawai-pegawai RISDA dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga pekebun kecil supaya mencapai pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan sekeluarga dan
- Mengenalpasti masalah pekebun kecil dan penduduk luar bandar di peringkat kawasan dan memberi maklum balas kepada RISDA dari masa ke semasa.

Hadirin sekalian,

5. Akhir kata, saya berharap kursus dan konvensyen ini akan mencapai objektifnya serta dapat meningkatkan jati diri bagi membina keyakinan diri tuan-tuan dan puan-puan sebagai pemimpin agar dapat menempa kejayaan yang lebih cemerlang dan sentiasa relevan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan. Saya juga merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada

pengurusan RISDA Negeri Sarawak di atas kejayaan menganjurkan kursus dan konvensyen pada kali ini.

Dengan itu saya merasmikan Kursus Kepimpinan Unggul Pemaju Masyarakat RISDA (PMR) dan Konvensyen GAP RISDA Negeri Sarawak Tahun 2017.

Sekian,

Terima Kasih.